

19/06/1998

Usul agama, pendidikan tidak dibahas

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan ketiadaan perbahasan usul agama dan pendidikan dalam Perhimpunan Agung Umno kali ini kerana ingin memberi tumpuan sepenuhnya kepada kegawatan ekonomi negara.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, hanya dua usul akan dibahaskan dalam perhimpunan tiga hari, bermula esok, iaitu dasar ucapan presiden dan ekonomi.

"Kami juga sudah menetapkan pencadang dan penyokong bagi setiap usul itu," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini malam ini.

Turut hadir, Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Naib Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Razak serta Setiausaha Agung, Datuk Sabbaruddin Chik.

Ditanya mengenai cadangan tiga negeri membawa usul tiada pertandingan bagi pemilihan tahun depan, Perdana Menteri berkata: "Tidak, tak ada bincang pun."

Dr Mahathir berkata, MT turut mendengar persediaan yang dibuat menjelang perhimpunan agung, esok daripada Pengerusi Tetap, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah.

"Kami berpuas hati dengan persediaan itu. Tiada masalah," katanya sambil menyatakan MT juga menerima laporan mengenai Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita.

(END)